

Program Jualan Buka Tirai Mempromosikan Karnival Kerjaya 2017



Kuantan, 21 Februari - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan karnival jualan sebagai sebahagian daripada program mempromosikan program Temuduga Terbuka Peringkat Zon Timur yang bakal berlangsung pada 29 dan 30 Mac akan datang melibatkan lebih 150 syarikat yang bakal menawarkan 25,000 kekosongan dalam pelbagai jawatan dan juga latihan industri.

Penganjuran karnival ini mendapat sambutan apabila lebih 100 buah kereta telah menyertai jualan Car Boot UMP pada kali ini. Terdapat pelbagai jenis barangan yang dijual seperti makanan dan minuman, kasut, pakaian dan aksesori wanita, kosmetik, alat elektronik, makanan kering dan lain-lain bertempat di hadapan Kolej Kediaman 3 UMP Kampus Gambang.

Bagi Ketua Unit Jualan & Pemasaran, Karnival Kerjaya UMP'17, Aimi Zafirah Abd. Rahim berkata, aktiviti ini dapat memberi peluang kepada semua peniaga menjana pendapatan seharian di samping memberi peluang untuk mengembangkan perniagaan mereka. Dengan objektif melahirkan pelajar dengan pelbagai teras, program ini menggalakkan penyertaan daripada semua mahasiswa UMP yang ingin menjinakkan diri dalam bidang keusahawanan.



"Mahasiswa dapat mendedahkan diri mereka dengan pelbagai lapisan masyarakat yang mempunyai latar belakang berbeza. Justeru, selain daripada dapat memperbaiki cara berkomunikasi, kami juga dapat belajar sedikit sebanyak tentang bidang perniagaan dan realiti kehidupan mereka sebagai peniaga. Keusahawanan merupakan salah satu bidang terpenting yang menyumbang kepada ekonomi negara. Oleh itu, galakkan terhadap semua mahasiswa untuk mendedahkan diri kepada persekitaran keusahawanan perlu bergerak secara berterusan melalui program-program keusahawanan seperti ini," katanya.

Selain itu, pengarah program, Kee Keing Lee berkata, aktiviti ini dapat dijadikan asas untuk memupuk semangat dan kemampuan mahasiswa dalam urusan keusahawanan pada masa hadapan kelak. Secara tidak langsung dapat membantu mahasiswa memperoleh pendapatan sampingan bagi membiayai yuran pengajian dan kos sara hidup di universiti.

Bagi Dania Farhany Abd. Raziff yang mengambil bahagian dalam karnival jualan berkata, beliau bersama rakan menjual barangan elektronik seperti kabel USB, Pendrive Kingston 8GB & 16GB, tetikus tanpa wayar dan tetikus berwayar pada kadar harga berpatutan. Selain menimba pengalaman ianya dapat membantu memperluaskan rangkaian sosial peserta dengan peniaga luar.

Lain-lain jualan makanan dengan lebih 30 jenis sajian seperti pencuci mulut, minuman dan snek iaitu Durian Crepe, Nasi Ayam Penyet, Jus Buah, Mahkota Aiskrim dan terdapat juga trak makanan khas seperti Aromarasa, Taugeh & Kucai, Burger Bakar dan Burgerak yang disediakan kepada mahasiswa UMP.

Disediakan oleh Thulashi Murugayah dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 02-03-2017, 14:57:04